

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

Dicabar minta maaf kepada Anwar

UM - 9/7/2017 Pg. 3

KUALA LUMPUR 8 Julai - Tun Dr. Mahathir Mohamad dicabar supaya meminta maaf di atas segala percakapan serta perbuatannya terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak 1998 berikutan tindakan terbaharunya mempertahankan bekas Ketua Pembangkang itu.

Perkara itu disuarakan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berikutan laporan *The Guardian* yang memetik kenyataan Dr. Mahathir kononnya hukuman dijatuhkan ke atas Anwar dilakukan secara tidak adil dan mahkamah telah dipengaruhi oleh kerajaan.

Salleh berkata, dalam wawancara dengan media United Kingdom (UK) itu, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu menyifatkan badan kehakiman negara sebagai korup dan tidak ju-

jur ketika menjatuhkan hukuman ke atas Anwar.

Beliau menegaskan, kenyataan itu bukan sahaja telah menghina mahkamah, malah menyebabkan imej negara terjejas.

"Kenyataan Dr. Mahathir kononnya Anwar dihukum secara tidak adil dan keputusan mahkamah itu telah dipengaruhi oleh kerajaan adalah mengejutkan, tetapi pada masa sama melucukan.

"Hakikatnya, untuk membuktikan tuduhan itu Dr. Mahathir perlu bertanggungjawab dengan meminta maaf atas segala kenyataan yang dibuat dan perlakuan terhadap Anwar sejak 1998.

"Tidak ada gunanya mendakwa Anwar disabitkan sebagai ber-



SALLEH SAID KERUAK

salah di atas jenayah yang tidak pernah dilakukannya tetapi tidak membuat apa-apa tindakan dengan sekurang-kurangnya memohon maaf;" katanya menerusi kenyataan di laman blog sskeruak.blogspot.my.

Mengulas lanjut Salleh memberitahu, kegagalan memohon

maaf kepada Anwar bakal membuktikan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkaitan kebimbangan Dr. Mahathir terhadap siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ke atas kegiatan urus niaga mata wang asing yang menyebabkan Bank Negara Malaysia (BNM) mengalami kerugian sebanyak RM30 bilion sekitar 1990-an.